

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-15**  
**Kuliah Maghrib kali ke-99**  
**Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong, Perak**

## **ILMU MUA'AMMALAH**

Ilmu mua'ammalah ialah ilmu perihal hati (jiwa).

Apa yang terpuji (**sifat-sifat mahmudah**) daripadanya seperti sabar, syukur, takut, harap, rela, zuhud, taqwa, sederhana, pemurah, mengenal nikmat Allah Ta'ala dalam segala keadaan, ihsan, baik sangka, baik budi, baik pergaulan, benar dan ikhlas.

Maka mengetahui hakikat hal keadaan ini, batas-batasnya dan sebab-sebabnya yang diusahakan, hasil, tanda dan cara mengubati yang lemah daripadanya sehingga menjadi kuat dan yang hilang sehingga kembali, adlh **termasuk sebahagian dpd ilmu akhirat**.

Adapun yang tercela (**sifat-sifat mazmumah**) ialah takut miskin, marah kepada takdir, menokoh, dengki, busuk hati, menipu, meninggi, suka dipuji, mencintai hidup lama di dunia dengan bersenang-lenang, takbur, riya', marah, keras kepala, suka bermusuhan, amarah, loba, kikir, gembira yang tidak kena pada tempatnya, angkuh, congkak, bangga dengan kejayaan di tangannya, menyanjung orang kaya, menghina orang miskin, gila penghormatan dan pangkat, suka bersaing secara tidak jujur, menyombong diri untuk menerima kebenaran, suka campur hal yang tidak penting, banyak bercakap, memuji diri, menghias-hias budi pekerti, berminyak air, ujub, asyik memperkatakan kekurangan orang, melupakan kekurangan diri sendiri, hilang perasaan gundah dan takut dari hati, sangat menekan perasaan apabila tersinggung, lemah hati mencari kebenaran, mengambil teman zahir dari musuh batin, berasa aman daripada kemurkaan Allah Ta'ala, pada

menarik apa sahaja dari pemberian-Nya, bersandar kepada taat, murka, khianat, tokoh-menokoh, panjang angan-angan, kesat dan kasar hati, gembira dengan dunia dan berdukacita atas kehilangannya, berjinak hati dengan makhluk dan berasa sepi bercerai dengan mereka, kaku, ceroboh, tergopoh-gapah, kurang maku dan kurang belas kasihan.

Maka mengetahui batas-batas hal ini, hakikatnya, sebabnya, hasilnya dan pengubatannya **adalah ilmu akhirat dan fardhu 'ain menurut fatwa ulama-ulama akhirat**. Orang yang memalingkan muka dari ilmu tersebut adalah binasa dengan kekuasaan Raja Segala Raja di akhirat, sebagaimana orang yang memalingkan muka dari segala pekerjaan zahir adalah binasa dengan kekuasaan pedang raja-raja dunia, berdasarkan fatwa ahli fiqh dunia.

Maka pandangan ulama fiqh tentang fardhu 'ain itu adalah bersandarkan kepada kepentingan dunia, sedangkan (ilmu mua'amalah) ini bersandarkan kepada kepentingan akhirat.

Apabila ditanyakan kepada seorang ahli fiqh tentang erti dari erti-erti ini, umpamanya tentang ikhlas, atau tentang tawakal, atau menjaga diri dari sifat riya'..... maka ia akan tertegun. Sedangkan kerana fardhu 'ainnya (seperti ilmu mu'ammalah) apabila diabaikan, akan mendatangkan kebinasaannya di akhirat.

Tetapi cuba tanyakan tentang li'an, zihar, berlumba kuda dan memanah, nescaya akan diletakkannya di hadapan kamu berjilid-jilid buku dengan terperinci lagi mendalam, yang menelan banyak waktu, pafahal sedikitpun tidak diperlukan. Kalaupun ada diperlukan, nescaya tidaklah kosong negeri dari orang yang menyanggupinya. Dan cukuplah letih dan payah padanya, lalu sentiasa ia berpayah-payah padanya malam dan siang utk menghafal dan mempelajarinya, dan melupakan apa yang penting dalam agama.

Apabila didesak, maka ahli fiqh itu menjawab : “Aku menghabiskan waktu mempelajarinya kerana fiqh itu ilmu agama dan fardhu kifayah.” Ia mengelabui dirinya dan orang lain untuk mempelajarinya.

Orang yang cerdik itu tahu bahawa kalau adalah maksudnya melaksanakan perintah pada fardhu kifayah, tentu didahulukannya fardhu ‘ain. Bahkan juga akan didahulukannya banyak dari fardhu-fardhu kifayah yang lain daripada ilmu fiqh itu.

Berapa banyak negeri yang tidak berdoktor selain dari orang zimmi (orang bukan Islam yang tidak memusuhi Islam dan dilindungi pemerintah Islam). Orang zimmi itu menurut hukum fiqh tidak dapat diterima menajdi saksi mengenai hal yg menyangkut dgn kedoktoran.

Kemudian tidak seorang pun daripada orang Islam, kami lihat bekerja dalam lapangan kedoktoran. Mereka berlumba-lumba kepada ilmu fiqh, lebih-lebih (lagi dalam) masalah khilafiah dan perdebatan.

Negeri penuh dengan ulama fiqh, yang berkerja mengeluarkan fatwa dan memberi jawapan dari peristiwa-peristiwa yang terjadi. Wahai kiranya, bagaimana ahli-ahli fiqh agama memurahkan waktunya mengerjakan fardhu kifayah yang telah dikerjakan oleh suatu golongan, dan mengabaikan yang tak ada orang bangun mengerjakannya? Apdakah ini mempunyai sebab tertentu? Hanya pengetahuan kedoktoran itu tidak mudah menjadi pengurus harta wakaf, harta wasiat, pengawas harta anak yatim, menjadi hakim dan pemerintah, terkemuka dari teman sejawat dan berkuasa menghentam lawan.

## **INTIPATI PELAJARAN KALI INI**

### ***Apakah ilmu mu'ammalah?***

*Ilmu tentang perihal hati/ jiwa.*

### ***Apakah sifat-sifat mahmudah?***

*Sifat-sifat yang baik lagi terpuji pada syarak.*

### ***Apakah sifat-sifat mazmumah?***

*Sifat-sifat yang buruk lagi dikeji pada syarak.*

### ***Apakah yang fardhu a'in (mesti diketahui oleh setiap orang) dalam ilmu mu'ammalah ini?***

- 1. Mengenal sifat-sifat mahmudah, tanda-tanda sifat-sifat mahmudah, hasil/ kesan/ akibat sifat-sifat mahmudah, cara mendapatkan sifat-sifat mahmudah, cara mengubati kelemahan sifat-sifat mahmudah pada diri kita.*
- 2. Mengenal sifat-sifat mazmumah, punca terjadinya sifat-sifat mazmumah, hasil/ kesan/ akibat jika terdapat sifat-sifat amzmumah pada diri, cara mengubati diri yang terkena sifat-sifat mazmumah.*

### ***Apa kesannya jika kita tidak mempelajari ilmu fardhu 'ain?***

*Berdosa.*

## **ULANGKAJI PELAJARAN LEPAS**

### **Apakah ilmu-ilmu yang menjadi jalan ke akhirat?**

1. Ilmu mukasyafah
2. Ilmu mu'ammalah

### **Apakah ilmu mukasyafah?**

Ilmu perihal batin.

### **Apakah ilmu mu'ammalah?**

Ilmu perihal jiwa/ hati.

### **Apa akan berlaku sekiranya kita tidak ada walau sedikit daripada ilmu mukasyafah?**

Dikhuatiri akan buruk kesudahan kita.

### **Bagaimana kita sebagai orang awam ini mahu selamat daripada kesudahan yang buruk?**

Sekurang-kurangnya :

1. Kita mengakui kewujudan ilmu ini.
2. Kita hormati ahli-ahli dalam ilmu ini.

InsyaAllah selamat.

### **Mengapa ada orang yang tidak yakin akan ilmu mukasyafah ini?**

Kerana hati mereka mencintai dunia dan selalu menurut hawa nafsu, walau sebanyak mana ilmu mereka.

### **Sampai manakah kita boleh mengenal Allah SWT?**

1. Ada golongan mengatakan paling jauh kita hanya kena percaya bahawa Tuhan itu ada, Tuhan itu Maha Mengetahui, Maha Kuasa, Mendengar, Melihat, Berkata-kata dan lain-lain.

2. Ada golongan mengatakan paling jauh kita boleh mengenal Tuhan ialah sampai suatu peringkat, fikiran kita lemah daripada memahami-Nya.
3. Bagi ahli-ahli mukasyafah, paling jauh kita boleh 'menyaksikan-Nya' dengan sejelas-jelasnya.



